



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR**

*Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>*

KENYATAAN MEDIA YB WONG KAH WOH, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PELANTIKAN AHLI-AHLI PAC BARU

Jadual untuk mesyuarat PAC dalam 2 minggu yang akan datang telah disusun dengan padat dengan mesyuarat diadakan pada setiap hari (pagi dan petang) sepanjang sidang Parlimen ini untuk membolehkan PAC menebus kembali masa yang terbazir sebelum ini.

-
- 1) Sejurus selepas pelantikan 12 ahli PAC oleh Parlimen, PAC Parlimen telah mengadakan mesyuarat pertama kami pada hari semalam. Semua ahli-ahli PAC telah diberikan taklimat oleh Sekretariat PAC Parlimen berhubung prosedur, tadbir urus serta punca kuasa Jawatankuasa dalam mengadakan mesyuarat-mesyuarat.
 - 2) Taklimat berkenaan dengan kes-kes yang dikendalikan oleh PAC sebelum ini yang mana telah ditangguhkan sejak Mac 2020 yang lepas telah diberikan kepada Ahli-Ahli PAC. Jadual untuk mesyuarat PAC dalam 2 minggu yang akan datang juga telah disusun dengan padat dengan mesyuarat diadakan pada setiap hari (pagi dan petang) sepanjang sidang Parlimen ini untuk membolehkan PAC menebus kembali masa yang terbazir sebelum ini.
 - 3) Dalam beberapa minggu yang akan datang, Jawatankuasa ini akan memberikan keutamaan kepada kes-kes yang tertangguh sebelum ini. PAC berhasrat untuk membentang sekurang-kurangnya 3 laporan dalam 2 minggu yang akan datang, iaitu isu Sekolah Sukan Malaysia Perlis, Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) serta Penjualan Tanah Milik Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
 - 4) PAC juga akan mengambil langkah untuk menyiapkan laporan-laporan yang belum dimuktamadkan, iaitu isu Kawalan Pekerja Asing dan Pekhidmatan Pendidikan Malaysia Global (EMGS). PAC juga berhasrat untuk memanggil semula Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Mohamad serta Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK), Tan Sri Ambrin Buang untuk memberikan taklimat kepada ahli-ahli PAC berkenaan dengan isu-isu yang telah dicadangkan oleh PAC sebelum ini untuk dipanggil dalam mesyuarat prosiding, iaitu isu Pengurusan Dana Mudahcara Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Perumahan Generasi Baru Felda, Pelan Pemulihan Syarikat Penerbangan MAS, Pertukaran Tanah Kementerian Pertahanan, 1BestariNet dan Sistem *Automated Enforcement Systems* (AES), untuk membolehkan ahli-ahli PAC khasnya ahli-ahli baharu mendapat penjelasan lanjut sebelum PAC membuat keputusan atas isu-isu berkenaan.

- 5) PAC juga akan mendengar taklimat Ketua Audit Negara mengenai Laporan Ketua Audit Negara berhubung Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 apabila laporan berkenaan dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari Khamis ini.
- 6) Ahli-Ahli PAC akan memainkan peranan kami dengan efektif dalam memastikan urusan, prosedur dan tatacara kewangan negara dipatuhi sekali gus wang rakyat benar-benar dibelanjakan secara berhemah serta efisien. PAC Parlimen akan memainkan peranan kami dengan berkesan dalam menyediakan mekanisme '*check and balance*' dalam sistem demokrasi kepada Kerajaan dengan lebih telus serta berakauntabiliti.
- 7) Kesemua ahli-ahli PAC akan meneruskan semangat dan tradisi PAC sebelum ini iaitu memastikan ideologi politik masing-masing diketepikan apabila menghadiri mesyuarat PAC Parlimen, dan ini dapat memastikan supaya semua prosiding PAC dapat dijalankan tanpa rasa takut atau memihak mana-mana pihak.

Sekian terima kasih
YB Wong Kah Woh
Pengerusi PAC Parlimen
4 November 2020.